

Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentari[®]

LEE YOK FEE¹ DAN SARJIT S. GILL²

¹Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, ²Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

Emel: sarjit@putra.upm.edu.my; yokfee@yahoo.com

Kata kunci: Hubungan etnik, Rukun Negara, globalisasi, modal insan

ABSTRAK

Dalam proses mencapai negara maju bukan sahaja dari segi fizikal tetapi aspek kerohanian menjelang tahun 2020, Malaysia kini menghadapi pelbagai masalah yang kompleks. Masalah atau penghalang tersebut wujud dalam pelbagai aspek, bentuk dan tahap terutama isu moral, jenayah, hubungan etnik, masalah keluarga, kesan globalisasi dan gejala negatif yang lain. Di antara pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan, pembinaan modal insan merupakan salah satu agenda yang penting dan sarat dengan nilai murni bercirikan kerohanian. Agenda tersebut adalah signifikan untuk mewujudkan insan berkualiti yang bersepadu dan berminda kelas pertama supaya mampu bersaing dalam era globalisasi. Dalam hal ini, wujudnya persoalan tentang sejauh manakah keberkesanannya setelah usaha pembinaan modal insan dilaksanakan? Keberkesanan sesuatu dasar adalah bergantung pada asasnya supaya dasar-dasar yang berkaitan dengan pembinaan modal insan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan bertahan lama. Oleh itu, makalah ini mencadangkan agar ideologi negara, iaitu Rukun Negara dijadikan teras pembinaan modal insan oleh semua pihak. Tidak dapat dinafikan bahawa wujud masalah dalam usaha menyemai ideologi negara dalam kalangan rakyat Malaysia secara bersepadu. Maka, beberapa cabaran seperti kekurangan sistem pemantauan dan pengaruh politik yang negatif akan dibincangkan dalam karya ini. Akhir sekali, beberapa cadangan moderat diberikan mengikut keadaan semasa untuk memperkukuhkan pelaksanaan Rukun Negara sekali gus membentuk insan yang berminda dan berwawasan kelas pertama.

ABSTRACT

In the process of achieving the status of a developed nation physically as well as spiritually by 2020, Malaysia is confronted by various complex issues. The issues come in various aspects, forms and levels like the moral issues, crime, ethnic relations, family, and the impact of globalization amongst others. In all the endeavours made by the government, the effort of human capital development can be considered spiritually and morally important. This agenda is significant in the formation of human capital with high quality and a first class mentality in the competitive era of globalization. Therefore, it is important to examine the effectiveness of all the human capital development efforts. The effectiveness of a policy very much relies upon the foundation that supports the policy to ensure its continuity. In line with this, this paper proposes that the national ideology, the Rukun Negara become the foundation of human capital development. It is expected that there will be problems in the integrated effort to inculcate the national ideology amongst Malaysians. Therefore, some challenges like the lack of monitoring system and the negative political influences will be discussed. Finally, several moderate proposals will be provided to strengthen the implementation of Rukun Negara towards the formation of human capital with a first class mentality and vision.

[®] Makalah ini pernah dibentangkan di *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III: Modal Insan Bersepadu Terasa Bangsa Terbilang* anjuran Institut Peradaban Melayu (IPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Hotel Legend, Kuala Lumpur, 2-3 Februari 2007.

PENGENALAN

Dalam abad ke-21, Malaysia telah memasuki era baru pembangunan bertujuan mencapai taraf negara maju menjelang 2020. Dari perspektif sejarah, idea pembangunan yang bermula di Eropah berjaya menawan imaginasi umat manusia khususnya mereka di negara-negara terbelakang sejak Perang Dunia Kedua. Kebanyakan negara bekas jajahan kolonial British termasuk Malaysia telah banyak menyumbang kepada Revolusi Industri abad ke-18 dan ke-19 yang dipelopori oleh Barat tetapi tidak menikmati hasil daripadanya secara langsung. Walau bagaimanapun, negara-negara ini telah memasuki era zaman moden melalui transformasi bersejarah yang dibawa oleh hasil revolusi itu. Selepas meraih kemerdekaan, negara-negara tersebut telah menjadikan pembangunan sebagai agenda utama bagi merintis jalan kemajuan masing-masing (Abdul Rahman Embong, 2007, hlm. 27).

Menjelang tahun 2020 kelak, wawasan Malaysia bukan sahaja bermatlamat mencapai negara maju dari segi fizikal tetapi juga kerohanian. Berbanding alaf lepas, kini Malaysia semakin membangun dan perlu proaktif untuk bersaing dalam mendepani ketidaksamaan, globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Pada masa yang sama, kedudukan pembangunan dan kemajuan Malaysia dibuktikan dalam buku tahunan *World Competitiveness 2004*, dengan Malaysia meraih tempat ke-16 dalam dunia dan tempat kelima dalam Asia Pasifik selepas Singapura, Australia, Hong Kong dan Taiwan.

Selain itu, Malaysia merupakan negara yang keempat terbuka dalam ekonomi di dunia. Kedudukan Malaysia dari segi keterbukaan ekonomi dan juga persaingan amat berkaitan dengan latar belakangnya. Keupayaan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia amat bergantung pada keadaan masyarakat asalnya. Dari segi ekonomi, Malaysia amat bergantung pada *Foreign Direct Investment (FDI)*. Walhal pada alaf baru ini, Malaysia mengalami persaingan yang hebat dari negara China yang menawarkan kos tenaga buruh yang amat murah secara relatif.

Malaysia mempunyai prasarana kelas pertama yang terdapat di banyak tempat, ikon-ikon global wujud di sana sini dan negara kita semakin terintegrasi dengan hampir seluruh dunia melalui udara, laut, telekomunikasi dan internet. Kita mempunyai pusat pentadbiran baru, Putrajaya, dengan bangunan dan

kemudahan canggih atau *state-of-the art* yang menjadi impian banyak negara membangun lain. Banyak syarikat transnasion melabur di sini manakala sejumlah syarikat konglomerat Malaysia sudah melebarkan sayapnya beroperasi di luar negara (Abdul Rahman Embong, 2007, hlm. 28).

Dalam usaha Malaysia meningkatkan daya bersaing dan menarik minat pelaburan asing, kita perlu meningkatkan keupayaan pasaran buruh yang berpaksikan bidang sains dan teknologi (S&T) serta memberi tumpuan kepada perkembangan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Dalam lain perkataan, bumi Malaysia perlu menyediakan tenaga buruh yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, terutama mempunyai kemahiran dalam bidang S&T seperti *biotechnology*, *photonic* dan *nanotechnology*.

Namun, sementara negara menumpukan perhatian kepada perkembangan aspek S&T dan R&D, pembinaan modal insan juga harus mementingkan aspek kemanusiaan yang lain kerana negara Malaysia sedang dilanda pelbagai masalah sosial yang boleh menakutkan pelabur asing. Walaupun pada masa kini masalah sosial belum lagi mengancam ketenteraman aturan sosial secara serius dan masih terkawal, masalah tersebut semakin membimbangkan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan Malaysia amat peka dan insaf ke atas perkara tersebut. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) pada tahun 2006 oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, salah satu perkara penting yang diorientasikan ialah pembinaan modal insan yang bersifat holistik, iaitu menghasilkan rakyat Malaysia yang bukan sahaja mempunyai kemahiran saintifik yang canggih tetapi juga nilai moral dan kerohanian yang tinggi lagi "berminda kelas pertama".

Penulis amat bersetuju dengan wawasan yang murni tersebut. Namun, perkara tersebut sukar dicapai dengan sempurna jika kita tidak mempunyai satu ideologi di belakang pelaksanaannya, terutama dalam aspek penanaman nilai yang murni dan moral yang tinggi kepada individu. Pada hemat penulis, matlamat akhir pembangunan bukan untuk tujuan pertumbuhan semata-mata. Sebaliknya pertumbuhan adalah cara dan alat untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik dan meningkatkan tamadun manusia. Makalah ini mengupas masalah pembinaan modal insan pada masa kini yang masih belum seimbang kerana

penekanan yang diberikan lebih menjurus kepada kemajuan dalam ilmu sains fizikal dan bukannya sains sosial. Dalam hal ini, penulis mencadangkan Rukun Negara sebagai satu ideologi yang bersepadu perlu diberikan perhatian dan disemai dalam pemikiran rakyat Malaysia bukan sekadar sebagai satu “memori” atau penghafalan, akan tetapi sebagai prinsip konsensus yang difahami secara mendalam dan diguna pakai dalam kehidupan harian.

PEMBANGUNAN YANG TIDAK SEIMBANG

Apakah fakta sosial yang boleh menunjukkan pembangunan negara sedang menghala ke arah yang tidak seimbang? Fakta utama yang nyata berlaku dalam masyarakat Malaysia ialah masalah kemunduran budaya (*cultural lag*). Secara umumnya, *cultural lag* adalah satu konsep sosiologi yang digunakan untuk merujuk kepada keadaan apabila perkembangan atau perubahan budaya material (*material culture*) yang lebih maju dan perkembangan budaya bukan material (*nonmaterial culture*) ketinggalan (Henslin, 2005, hlm. 58-59). Dalam konteks pembangunan negara, penyediaan kemudahan *hardware* atau material adalah jauh lebih maju jika dibandingkan dengan perkembangan *software* atau *nonmaterial* (Abdul Rahman Embong, 2006).

Kemampuan ekonomi semakin meningkat dalam kalangan rakyat sementara Malaysia mencapai pembangunan ekonomi yang lebih baik. Perkembangan sains dan teknologi yang semakin canggih membolehkan rakyat menikmati penggunaan barangan elektrik yang moden terutama alat komunikasi dan media. Kesan negatif yang dibawa oleh alat media seperti televisyen telah lama muncul setelah digunakan secara ketara pada abad yang lalu. Rancangan yang disiarkan mendedahkan penontonnya kepada pelbagai nilai termasuk yang boleh menjahanamkan minda rakyat terutama unsur keganasan dan seksual kepada penonton yang muda. Di Amerika Syarikat, kajian Biagi (1998) menunjukkan bahawa orang Amerika menonton televisyen sekurang-kurangnya 4 jam sehari dan ada yang menonton melebihi 7 jam sehari. Secara umumnya, masa yang digunakan oleh kebanyakan remaja yang berumur 16 tahun untuk menonton televisyen adalah melebihi masa mereka belajar di sekolah. Pada pemerhatian penulis, keadaan di Malaysia adalah tidak jauh beza dengan keadaan yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Amerika Syarikat.

Kini, pengaruh negatif dari media dan alat komunikasi menjadi semakin ketara setelah penggunaan internet diperkenalkan pada dekad yang lalu. Di bawah inovasi baru yang canggih ini, ruang sosial menjadi tidak mempunyai sempadan (*borderless*). Maklumat atau informasi memenuhi ruang tanpa kawalan dan pemantauan yang berkesan. Segala maklumat yang terdapat di dalam internet sama ada yang baik atau yang buruk boleh dilihat dan dibaca sekiranya seseorang itu akses kepadanya. Sehingga hari ini, Malaysia belum lagi mempunyai mekanisme yang berkesan untuk mengawal maklumat internet. Masalah utama yang boleh ditimbulkan oleh internet ialah tentang seks. Perkataan ‘seks’lah merupakan perkataan yang paling kerap dicari oleh pengguna internet dalam enjin pencarian seperti Yahoo. Ribuan laman web yang menawarkan informasi tentang seks yang tidak bermoral seperti pornografi, homoseksual atau lesbian boleh menjejaskan minda penggunaan internet yang tidak matang pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Selain daripada penyampaian nilai yang negatif, teknologi yang canggih seperti kemudahan penghantaran maklumat melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS) juga tidak digunakan dengan betul. Kemudahan tersebut yang sepatutnya merupakan satu inovasi yang amat berguna dalam komunikasi kehidupan moden turut sering disalahgunakan sehingga menimbulkan masalah yang boleh membahayakan keharmonian masyarakat. Misalnya, peristiwa yang berlaku pada bulan November 2006 tentang isu penghantaran mesej telefon bimbit yang membangkitkan kacau bilau dalam kalangan masyarakat di Ipoh, Perak iaitu terdapat mesej palsu yang mengatakan seramai 600 orang pelajar Muslim di Politeknik Ungku Omar akan menjalankan upacara pembaptisan Kristian di Gereja *Our Lady of Lourdes*. Khabar angin seperti itu bukan perkara yang baru kerana pada tahun 1998 terdapat pengedaran maklumat palsu tentang pemberontakan bersenjata orang Indonesia di Chow Kit. Begitu juga pada tahun 2003, terdapat pengedaran maklumat palsu “Outbreak SARS” yang amat mengganggu ketenteraman masyarakat dan mengancam industri pelancongan negara.

Pembangunan modal insan yang hanya menumpukan S&T boleh menyebabkan masalah akibat *cultural lag* seperti yang dibincangkan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam konteks globalisasi, pembangunan dari segi S&T adalah penting untuk ekonomi negara. Namun aspek penyelidikan sosial juga harus dipentingkan supaya pembangunan modal insan yang seimbang boleh diteliti dan dijamin tercapai. Pada hakikatnya, pembangunan sains sosial semakin diabaikan.

Dalam ucapan dasar MSC5 yang disampaikan oleh Shamsul A.B. pada Ogos 2006, beliau telah menimbulkan satu fakta yang harus kita pertimbangkan, iaitu peruntukan bantuan penyelidikan sosial telah dikurangkan dan semakin diketepikan. Menurut Shamsul A.B., pada dekad yang lepas, kurang daripada 10% daripada jumlah peruntukan kewangan (lebih kurang satu bilion ringgit) diagihkan untuk R&D sains sosial. Lebih daripada 90% adalah untuk bidang sains dan teknologi. Walhal ahli sains sosial turut dikategori bersama-sama ahli sains tabii lain sebagai ahli sains (*scientists*) di bawah Majlis Sains Kebangsaan Malaysia (*Malaysian National Science Council*).

Selain daripada itu, untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai minda kelas pertama, berpengetahuan, kreatif dan berinovasi, pendidikan merupakan agen utama yang memainkan peranan penting dalam sistem transformasi. Pendidikan yang bersepadu, integratif serta holistik yang mementingkan nilai-nilai agama, budaya dan peradaban perlu dijadikan teras dalam pembinaan kurikulum pendidikan negara. Namun pada hakikatnya, untuk memenuhi keperluan pembangunan ekonomi negara, iaitu berubah dari P-ekonomi ke K-ekonomi dan menyelesaikan masalah pengangguran, reka bentuk pendidikan semakin menuju ke arah yang mengutamakan pasaran (*market driven*). Dalam suasana pembangunan yang mengutamakan pasaran, muncul persoalan bahawa apakah pendidikan lebih memainkan peranan untuk meningkatkan kelayakan sijil (*credential*) atau untuk mendidik seseorang insan secara holistik?

Generasi muda pada masa kini berhasrat masuk ke universiti dengan minda yang *calculative*. Mereka lebih berminat masuk ke jurusan yang boleh mendatangkan pulangan kewangan yang lebih lumayan secara relatif. Mentaliti seperti ini turut menyebabkan matlamat utama penglibatan mereka dalam pendidikan hanyalah untuk mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan supaya keputusan PNGK

(CGPA) yang lebih baik. Mereka juga hanya menumpukan kepada mata pelajaran yang berkaitan langsung dengan jurusan profesional mereka dan menyumbang kepada PNGK. Bahkan trend seperti ini turut disambut oleh pihak institusi pendidikan tinggi, tidak kira di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) ataupun swasta (IPTS).

Malahan, dalam sistem pendidikan peringkat tinggi di Malaysia, mata pelajaran yang penting untuk melatih pemikiran dan minda pelajar supaya boleh berfikir secara kritis dan bernas, iaitu disiplin falsafah belum lagi ditekankan dan dimantapkan. Bahkan, tiada satupun universiti di Malaysia yang menubuhkan jabatan dan pusat untuk mengkaji disiplin falsafah secara menyeluruh. Apa yang ada pada masa sekarang ialah pengetahuan falsafah dicantumkan dalam satu atau dua mata pelajaran untuk sesuatu kursus. Pada pendapat penulis, ini adalah tidak mencukupi untuk melatih minda para pelajar yang bakal menyumbang tenaga ke pasaran tempatan dan global.

Maka, jika dilihat dari aspek pembangunan, pemimpin dan pembuat dasar negara memang sedar akan ketidakseimbangan dalam pembangunan negara. Matlamat negara kita untuk mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 telah mengenal pasti sembilan cabaran yang harus ditangani. Antara cabaran tersebut, didapati lapan daripada sembilan cabaran bersifat budaya, politik dan sosial, hanya cabaran kesembilan berkaitan dengan ekonomi. Penekanan tersebut menunjukkan bahawa pembangunan yang seimbang harus dicapai pada kedua-dua aspek *material* dan *non-material*. Penekanan tersebut juga membuktikan bahawa pembangunan dari segi *non-material* adalah amat kekurangan dalam proses pembangunan negara pada hari ini. Namun, dari segi pelaksanaan dasar Wawasan 2020, kerajaan hanya mengutamakan ekonomi dan S&T kerana kekayaan dan tuntutan pasaran.

Sejak kebelakangan ini, setelah peralihan kuasa pentadbiran negara kepada YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pelbagai program dan dasar seperti Dasar Sosial Negara, Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia, Misi Nasional dalam RMK-9 telah dilaksanakan untuk menangani kesemua cabaran dalam Wawasan 2020 secara keseluruhan. Pada hemat penulis, Rukun Negara yang digubal sejak sekian lama perlu diangkat martabatnya semula sebagai dasar dan teras demi mencapai tujuan tersebut.

Rukun Negara sebagai Teras Pembinaan Modal Insan

Secara umumnya, ideologi negara, iaitu Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 selepas Peristiwa 13 Mei 1969 membuktikan pihak kerajaan menyedari bahawa penumpuan pembangunan negara sebelum itu terlalu menitikberatkan aspek fizikal. Peristiwa 13 Mei 1969 ternyata memberi kesan yang mendalam kepada semua pihak. Keamanan serta kesejahteraan masyarakat perlu dipelihara (Tunku Abdul Rahman, 1969).

Melalui buku Rancangan Malaysia Kedua (RM2), kita mengetahui terdapat pemecahan dan pemisahan yang wujud dalam masyarakat. RM2 telah menyatakan dengan tegas dan jelas bahawa perpaduan nasional merupakan tujuan pencapaian terpentingnya, mengatasi dua objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB), iaitu pertama membasmi kemiskinan dan kedua menyusun semula masyarakat.

Kerajaan mula berusaha ke arah mengisi kekosongan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia supaya dapat membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan membangkitkan semangat cintakan tanah air. Badan yang bertanggungjawab atas penggubalan Rukun Negara ialah Majlis Perundangan Negara (MPN). Draf Rukun Negara telah dibincangkan dan dibuat pindaan beberapa kali oleh MPN sebelum diluluskan oleh Majlis Gerakan negara (MAGERAN).

Setelah Rukun Negara digubal, ia telah disampaikan kepada rakyat Malaysia, terutama generasi muda melalui pendidikan dan media massa. Pelajar sekolah dipastikan boleh menghafal lima prinsip Rukun Negara dan berikrar untuk mematuhi sebelum memulakan aktiviti pelajaran harian dan semasa perhimpunan mingguan. Rukun Negara dipaparkan di pelbagai medium seperti di muka belakang buku latihan sekolah, poster di dinding pejabat dan juga di tembok bangunan awam dan swasta. Selain itu, ia juga digubal dalam bentuk lagu untuk mempopularkan peri penting dan manfaat mematuhi.

Namun, sejauh manakah rakyat Malaysia benar-benar memahami dan menghayati ideologi negara tersebut secara murni? Penghafalan Rukun Negara sahaja adalah tidak mencukupi. Lebih-lebih lagi, penghafalan pelajar adalah tidak lengkap dan boleh mengelirukan. Pada pengetahuan dan pengalaman penulis,

penghafalan Rukun Negara semasa di sekolah bermula dengan bahagian tengah inti sarinya, iaitu bermula dengan bahagian "Maka kami rakyat Malaysia berikrar akan mencapai cita-cita tersebut..." dan seterusnya lima prinsip Rukun Negara. Penghafalan yang bermula dengan bahagian tersebut menyebabkan pelajar tidak tahu atau tidak ingat apakah tujuan utama Rukun Negara dan cita-cita yang ingin dicapai. Maksud lima prinsip Rukun Negara juga tidak diterangkan dengan jelas. Mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengetahuan tersebut seperti Sivik atau Tata Rakyat sentiasa diabaikan dalam kurikulum sekolah. Hal tersebut disebabkan pihak pelajar dan juga sekolah lebih mementingkan subjek yang menyumbang kepada keputusan dalam peperiksaan utama seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Perkara ini menyebabkan penghafalan Rukun Negara dan berikrar di perhimpunan awam hanyalah satu obligasi sebagai rakyat dan *ritual* yang tidak bermakna. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa ideologi negara yang ideal ini belum lagi disemai dengan betul dan turut tidak berakar dan berkembang dalam kalangan jiwa rakyat Malaysia.

Walaupun penggubalan Rukun Negara adalah akibat Peristiwa 13 Mei 1969, Rukun Negara seharusnya dilihat pada perspektif yang lebih luas dan dijadikan teras utama untuk pembinaan modal insan yang seimbang. Rukun Negara merupakan satu ideologi yang penting kerana ia merangkumi aspek penting kehidupan seseorang insan dalam masyarakat terutama dari segi perpaduan, keadilan, demokrasi dan kebebasan. Reka bentuknya sesuai untuk semua kumpulan etnik dan setiap lapisan dalam masyarakat. Secara umumnya, prinsip Rukun Negara memberi panduan kepada rakyat dalam setiap aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi dan politik. Menurut Nazaruddin Hj. Mohd Jali *et al.* (2003), lima prinsip Rukun Negara menjelaskan tingkat-tingkat tanggungjawab rakyat Malaysia yang sebenarnya dibendung oleh tuntutan daripada pelbagai tahap autoriti, iaitu daripada Tuhan pada peringkat alam semesta sehinggalah di peringkat diri sendiri sebagai individu yang bertanggungjawab kepada diri sendiri.

Prinsip pertama, iaitu kepercayaan kepada Tuhan menekankan tanggungjawab individu

sebagai makhluk Tuhan dan harus mematuhi ajaran agama. Melalui konviksi atau ikatan keagamaan, manusia memahami apakah itu dosa dan pahala dan akibat jika melakukannya, menyedari tentang doa dan usaha serta mengetahui tentang hal hidup-mati. Melalui ajaran agama, manusia menyedari bahawa sebagai insan Tuhan, mereka seharusnya bertimbang rasa, bersyukur, berkeyakinan dan bersikap sederhana dalam hidup. Nilai-nilai murni dalam ajaran agama, tidak kira sama ada yang percaya kepada tuhan ataupun set nilai etika sahaja, mengarah kepada pembentukan kehidupan yang harmoni.

Perkongsian harmoni atau *co-existence*, nilai-nilai agama Islam dan nilai agama lain di Malaysia yang mempunyai banyak persamaan dari segi nilai-nilai sejagat yang diterima dan diamalkan, merupakan asas yang kukuh untuk membina sebuah masyarakat bersatu padu. Kadang-kadang kita lupa bahawa kejayaan material yang telah dicapai di Malaysia perlu digenapkan dengan nilai-nilai yang bukan material, khususnya, nilai-nilai keagamaan. Dengan cara ini diharapkan wujud nanti pembangunan modal insan yang seimbang.

Prinsip kedua, iaitu kesetiaan kepada raja dan negara menekankan tanggungjawab manusia sebagai rakyat kepada negara supaya mencintai dan melindungi Malaysia. Prinsip ini mementingkan kesetiaan rakyat kepada ketua negara dan negeri yang menjadi lambang kedaulatan negara dan lambang tumpuan taat setia. Prinsip ini juga bertujuan melahirkan rakyat yang bertanggungjawab, patriotik dan sanggup berkorban serta menyumbang masa dan tenaganya untuk negara demi keamanan dan kemajuan. Dengan itu, sekali gus menghindar perasaan prejudis perkauman kerana ada perkongsian nilai, iaitu mengutamakan kebaikan masyarakat dan negara.

Prinsip ketiga, iaitu keluhuran perlembagaan menekankan tanggungjawab insan masyarakat sebagai warganegara demokrasi berperlembagaan. Orientasi prinsip ini adalah supaya rakyat dapat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan Perlembagaan Negara kerana perlembagaan berfungsi memberi perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat di dalam negara. Perlembagaan merupakan kontrak sosial di antara semua kaum yang sama-sama berpeluang menyumbang terhadap penggubalannya. Antara aspek utama dalam

perlembagaan yang perlu dipatuhi ialah konsep Raja Berperlembagaan, kedudukan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam pembangunan sosioekonomi terjamin, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping perkembangan bahasa lain tidak dihalang, agama Islam sebagai agama rasmi di samping kebebasan beragama diamalkan, hak asasi rakyat terjamin, hak kerakyatan dan sistem pemerintahan. Sekiranya semua pihak mematuhi Perlembagaan Negara ini dipercayai bahawa masalah hubungan etnik yang bakal mengancam ketenteraman negara dapat diselesaikan.

Prinsip keempat, iaitu kedaulatan undang-undang menekankan tanggungjawab insan sebagai ahli masyarakat madani yang seharusnya mematuhi undang-undang dan peraturan. Undang-undang berkedudukan tinggi dan tidak boleh dipersendakan. Sebaliknya, ia mesti dihormati dan dipatuhi. Undang-undang memastikan setiap individu di dalam negara ini terjamin kebebasan asasi mereka. Setiap rakyat adalah sama tarafnya dari segi undang-undang dan tertakluk ke atasnya. Oleh itu, kedaulatan undang-undang perlu dipertahankan bagi menjamin fungsinya untuk melindungi rakyat di satu pihak dan menghukum pesalah di pihak lain.

Prinsip yang terakhir, iaitu kesopanan dan kesusilaan bertujuan memupuk sahsiah mulia agar setiap rakyat bersopan dan beradab, bermaruah serta tertib dan bersusila yang bermaksud berakhlak dan berhemah mulia. Prinsip ini menekankan tanggungjawab insan sebagai individu yang bertanggungjawab. Prinsip ini juga mementingkan perkembangan personaliti dan tingkah laku seseorang rakyat dalam hubungan antara perseorangan. Sebagai manusia yang berbudaya, rakyat hendaklah sentiasa tertib dan mengikut peraturan serta berakhlak dan berhemah tinggi. Sifat mulia ini bermula dengan diri sendiri. Berdisiplin dan hormat kepada diri sendiri menjadi asas bagi hubungan yang baik dengan orang lain. Hubungan baik juga boleh terjamin sekiranya rakyat sentiasa berakhlak mulia, menghormati orang lain, mengelakkan diri daripada menyentuh hal yang sensitif dan perkara yang telah dipersetujui majoriti.

Nilai yang murni dalam setiap prinsip Rukun Negara harus dijadikan teras pembinaan modal insan. Seperti yang disarankan oleh Abdul Rahman Embong (2006), kemahiran yang tinggi

dan pengetahuan yang banyak tidak semestinya dapat menjamin seseorang rakyat menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Bahkan kita sering membaca dan mengetahui bahawa orang yang berpendidikan dan berpengetahuan boleh menjadi perosak masyarakat, penjenayah, perasuah, penipu serta manusia yang rakus dan angkuh. Dia juga boleh menjadi seorang yang sempit pandangannya, buruk prasangka, tidak jujur, dan tidak toleran terhadap pandangan orang lain dan tidak bertanggungjawab. Nilai dan sikap yang murni seperti yang terdapat dalam ideologi negara kita adalah penting untuk membina modal insan yang lebih unggul. Tanpa set nilai tersebut, ilmu pengetahuan dan kemahiran tidak semestinya mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

KESIMPULAN

Tanpa memahami dan memiliki ideologi negara, iaitu Rukun Negara, pembinaan modal insan umpama pembinaan rumah di atas pasir yang tidak kukuh. Jika dilanda sebarang ancaman luaran mahupun dalaman, rumah tersebut mudah runtuh dan berkecai. Maka, pada hemat penulis, adalah penting rumah dibina di atas dasar yang kukuh supaya tahan lasak dan dapat terus berdiri secara teguh.

Pemerkasaan Rukun Negara penting bukan setakat diperkenalkan kepada rakyat pada tahap superfisial sahaja. Penghafalan yang tidak lengkap tanpa pemahaman dan konviksi yang mendalam tidak dapat memastikan ia dimiliki oleh setiap rakyat dalam negara ini. Tahap penerimaan dan peringkat pemahaman dalam kalangan masyarakat segenap lapisan, keberkesanan alat dan agen yang digunakan untuk menyebarkan ideologi tersebut harus sentiasa dipantau dan diselidik supaya memastikan prinsip Rukun Negara tersemam secara mendalam dan tersebar luas kepada semua rakyat negara. Pembinaan

modal insan seharusnya berteraskan Rukun Negara. Pemahaman secara mendalam dan pemilikan ideologi tersebut sebagai panduan dalam kehidupan adalah amat penting untuk setiap individu dalam masyarakat Malaysia.

RUJUKAN

- ABDUL RAHMAN EMBONG. (2006). Pembangunan insan dalam agenda pembangunan negara. Ucap utama *Seminar Kebangsaan "Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM – Pendekatan Psikologi dalam Pemerkasaan Pembangunan Komuniti*, 20-21 Disember, Kuala Lumpur.
- ABDUL RAHMAN EMBONG. (2007). *Pembangunan, Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- BIAGI, S. (1998). *Media/Impact: An Introduction to Mass Media* (Edisi ke-3). Belmont, CA: Wadsworth.
- HENSLIN, J.M. (2005). *Sociology: A Down to Earth Approach* (Edisi ke-7). Boston: Allyn and Bacon.
- JAYUM JAWAN dan ZAID AHMAD (pnyt.). (2006). *Inter-Ethnic Relations in Malaysia: Selected Readings*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- NAZARUDDIN HJ. MOHD JALI (et al.). (2003). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan* (Edisi kedua). Petaling Jaya: Prentice Hall.
- SHAMSUL, A.B. (2006). Reshaping social science in Malaysia: some ideas and action plans. Ucap utama *The 5th International Malaysian Studies Conference (MSC5)*, "‘After Development’ in Malaysia: Reflections on The Development Agenda and the Future", 8-10 Ogos. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- TING CHEW PEH. (1986). *Masalah Perkauman dan Perpaduan*. Kuala Lumpur: Buku Kreatif.
- TUNKU ABDUL RAHMAN. (1969). *May 13: Before & After*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press.